



## **PINDAAN PERATURAN-PERATURAN PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) UMS**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 57 (2) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah [p.u.(46012010)], Lembaga membuat Peraturan-Peraturan Berikut:

### **BAHAGIAN I**

#### **PERMULAAN**

##### ***Nama***

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Sabah (Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar) 2011 dan – hendaklah berkuat kuasa pada 7 Februari 2011.

##### ***Tafsiran***

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain.

“Akta” ertinya Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30];

“Daftar Pengundi” ertinya senarai pelajar berdaftar yang layak mengundi pada sesuatu pemilihan MPP;

“e-Undi” ertinya sistem pemilihan MPP yang dijalankan secara elektronik;

“Fakulti” termasuklah suatu Pusat, Akademik atau Institut di Universiti;

“Jawatankuasa Audit” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah perenggan 4(d);

“Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah perenggan 4(a);

“Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah perenggan 4(b);

“Jawatankuasa Rayuan Pemilihan MPP” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah perenggan 4(c);

“Kawasan Fakulti” ertinya kawasan pemilihan yang dihadkan kepada pelajar berdaftar di Sekolah berkenaan;

“Kawasan Umum” ertinya kawasan pemilihan yang terbuka kepada keseluruhan pelajar berdaftar Universiti;

"Ketua Pusat Pengundian" ertinya pegawai Universiti yang dilantik di bawah peraturan 28;

"Komputer Pelayan" ertinya perkakasan dan perisian yang digunakan semasa pengundian yang mengandungi data-data yang berkaitan pengundian;

"Komputer Undi" ertinya perkakasan dan perisian yang mempunyai aplikasi sistem e-kertas undi untuk digunakan oleh penundi untuk mengundi semasa pebgundian;

"MPP" ertinya Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah;

"Pelajar berdaftar" ertinya seseorang pelajar yang mengikuti kursus pengajian di Universiti untuk suatu ijazah atau diploma termasuk diploma lepas ijazah, tetapi tidak termasuk seorang pelajar luar;

"Pelajar Luar" ertinya seseorang pelajar berdaftar di Kampus luar Malaysia atau seseorang pelajar yang mengikuti suatu program jangka pendek, sambilan, pembelajaran jarak jauh, program pertukaran atau bersekutu, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;

"Pemacu Kilat USB" ertinya alat penstoran data mudah alih;

"Pencadang Calon" ertinya wakil yang dilantik oleh calon di bawah peraturan 16;

"Pengundi" ertinya pelajar berdaftar universiti;

"Pengundian" ertinya proses pengundian yang ditentukan oleh Universiti;

"Penjumlahan Undi" ertinya proses penjumlahan undi yang dilaksanakan oleh Ketua Pusat Pengundian;

"Peperiksaan: termasuklah apa-apa cara atau kaedah penilaian untuk memutuskan markah atau gred bagi sesuatu kursus tertentu atau sebahagian daripada kursus tertentu;

"Pusat Pengundian" ertinya suatu kawasan yang ditentukan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP untuk pengundian;

"Ketua Pusat Pengundian" ertinya Pegawai universiti yang dilantik di bawah peraturan 30(1);

"Tempoh memegang jawatan satu tahun" ertinya tempoh memegang jawatan dalam tempoh 1 tahun calendar akademik; dan

"Semester Perdana" ertinya semester utama sesi kemasukan bagi 1 tahun kalendar akademik;

## **BAHAGIAN II**

### **PENETAPAN PEMILIHAN MPP**

#### ***Penetapan pemilihan MPP***

1. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain berkaitan dengan pemilihan MPP, Naib Canselor boleh:-
  - (a) mengadakan, menangguhkan atau membatalkan pemilihan MPP atau mengadakan pemilihan semula MPP selepas berunding dengan jawatankuasa Induk Pemilihan MPP;
  - (b) menentukan kawasan pemilihan; dan
  - (c) menetapkan bilangan wakil MPP di Kawasan pemilihan
- (2) Pemilihan MPP:
  - (a) pemilihan hendaklah diadakan pada semester perdana setiap tahun akademik;
  - (b) tanpa mengentepikan perkara 1 (a), pemilihan perlulah diadakan sebelum cuti pertengahan semester perdana
- (3) Lantikan MPP hendaklah di buat dalam tempoh 1 tahun kalendar akademik.

## **BAHAGIAN III**

### **JAWATANKUASA**

#### ***Penubuhan Jawatankuasa***

2. Bagi tujuan pemilihan MPP, jawatankuasa berikut ditubuhkan:
  - (1) Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP;
  - (2) Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP;
  - (3) Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan Pemilihan MPP;
  - (4) Jawatankuasa Audit Pemilihan MPP; dan
  - (5) Jawatankuasa e-undi.

#### ***Kawasan pemilihan***

3. (1) Bagi tujuan pemilihan MPP, Naib Canselor boleh menetapkan kawasan umum dan kawasan fakulti sebagai kawasan pemilihan.
- (2) setiap pemilihan di kawasan fakulti adalah di bawah pengendalian Dekan atau wakilnya dan pemilihan di kawasan umum di bawah pengendalian seorang pegawai yang dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.

- (3) Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP boleh, dalam keadaan tertentu, menentukan pengendalian pemilihan di kawasan fakulti atau umum.

***Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP***

4. (1) Naib Canselor hendaklah melantik mana-mana Timbalan Naib Canselor untuk menjadi Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.
- (2) Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP hendaklah terdiri daripada:-
- (a) Pengerusi;
  - (b) Pendaftar;
  - (c) Bendahari;
  - (d) Pengarah Kampus Cawangan;
  - (e) Dekan Fakulti;
  - (f) Ketua yang menguruskan Teknologi Maklumat;
  - (g) Ketua Keselamatan; dan
  - (h) tidak lebih daripada tiga orang pekerja lain universiti yang dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.
- (3) Jika Pengerusi tidak berupaya menjalankan kewajipan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP atas apa-apa alasan, Naib Canselor boleh menamakan mana-mana ahli Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP untuk menjalankan kewajipan Pengerusi itu selama tempoh Pengerusi itu tidak berupaya menjalankan kewajipan.
- (4) seorang Setiausaha hendaklah dilantik oleh Pengerusi daripada kalangan pekerja universiti.
- (5) seorang pekerja dilantik dibawah Jawatankuasa induk tidak boleh menjadi ahli mana-mana jawatankuasa lain di bawah perenggan 4 (1), (2), (4) dan (5).
- (6) Korum bagi mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP ialah satu pertiga keahliannya.
- (7) mesyuarat Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya satu kali sebelum pemilihan MPP dan boleh pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.
- (8) Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut:-
- (a) menentukan tarikh pemilihan MPP;
  - (b) menetapkan apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar bagi tujuan pemilihan MPP;
  - (c) menentukan proses pembuangan undi Universiti;
  - (d) memperakukan daftar pengundi;
  - (e) menentukan Pusat Pengundian;
  - (f) membentuk dasar pilih MPP;
  - (g) mengambil apa-apa tindakan yang difikirkannya sesuai untuk memastikan pematuhan terhadap peruntukan-peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini dan semua dasar pemilihan MPP;
  - (h) mencadangkan kepada Naib Canselor untuk menangguh atau membatalkan pemilihan MPP, atas alasan yang munasabah;

- (i) membatalkan mana-mana calon yang didapati melanggar mana-mana Peraturan-Peraturan ini; dan
- (j) menjalankan apa-apa fungsi dan kuasa lain yang diperuntukan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

***Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP***

- 5. (1) Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP hendaklah dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP dan kalangan pekerja universiti.
- (2) seorang Setiausaha hendaklah dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP dari kalangan pekerja universiti.
- (3) Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut:-
- (4) Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut:
  - (a) merancang, mentadbir, menyelaras dan mengawal selia proses perjalanan pemilihan MPP dan semua perkara yang berkaitan dengannya;
  - (b) mengeluarkan apa-apa arahan mengenai perjalanan pemilihan MPP dan mengambil apa-apa langkah yang difikirkannya patut bagi memastikan sesuatu pemilihan berjalan dengan lancar dan teratur;
  - (c) menugaskan kerja kepada pegawai lain universiti, menentukan dokumentasi dan peralatan pemilihan yang berkaitan dengan pelaksanaan pemilihan MPP;
  - (d) mengambil tindakan yang difikir wajar terhadap mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadang calon, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang melanggar Peraturan-Peraturan ini, setelah memberi peluang untuk membuat penjelasan lisan; dan
  - (e) menjadi tempat rujukan berhubung apa-apa kekeliruan dalam perjalanan pemilihan MPP.

***Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan Pemilihan Pelajar***

- 6. (1) Keanggotaan Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan Pemilihan MPP hendaklah terdiri daripada Pengerusi dan dua orang pekerja lain universiti yang dilantik oleh Naib Canselor.
- (2) mana-mana anggota yang dilantik di bawah subperaturan (1) tidak boleh menjadi ahli dalam mana-mana jawatankuasa lain di bawah perenggan 4 (1), (2), (4) dan (5)
- (3) seorang Setiausaha hendaklah dilantik oleh Pengerusi dari kalangan pekerja universiti dengan syarat bahawa Setiausaha itu tidak boleh menjadi ahli atau setiausaha dalam mana-mana jawatankuasa lain di bawah perenggan 4 (1), (2), (4) dan (5).
- (4) Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan Pemilihan MPP hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut:

- (a) mendengar dan membuat keputusan berhubung rayuan dan bantahan mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadang calon atau pengundi mengikut mana-mana yang berkenaan;
  - (b) memanggil mana-mana orang atau pelajar untuk mendapatkan maklumat dan fakta berkaitan dengan rayuan dan bantahan berhubung perjalanan pemilihan MPP itu; dan
  - (c) mengarahkan mana-mana Ketua Pusat Pengundian menyerahkan apa-apa dokumen berkaitan
- (5) Keputusan Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan Pemilihan MPP adalah muktamad.

***Jawatankuasa audit Pemilihan MPP***

7. (1) Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Audit Pemilihan MPP hendaklah dilantik oleh Naib Canselor dari kalangan pekerja universiti selain daripada ahli jawatankuasa di bawah perenggan 4(1), (2), (3) dan (5).
- (2) Seorang Setiausaha hendaklah dilantik oleh Pengerusi dan kalangan pekerja Universiti dengan syarat bahawa Setiausaha itu tidak boleh menjadi ahli atau setiausaha dalam mana-mana jawatankuasa lain di bawah perenggan 4(a), (b), (c) dan (e).
- (3) Jawatankuasa Audit Pemilihan MPP hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut:-
- (a) Mengesahkan daftar pengundi;
  - (b) Mengesahkan data penjumlahan undi;
  - (c) Mengkehendaki mana-mana orang untuk mengesah dan memperakukan sistem pengundian;
  - (d) Membuat pemeriksaan sistem pengundian di Pusat Pengundian sekurang-kurangnya sekali sebelum pengundian bermula;
  - (e) Menentukan prosedur pengauditan; dan
  - (f) Mengenal pasti apa-apa kelemahan dalam perjalanan pemilihan dan mencadangkan langkah penambahbaikan Kepada Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP.
- (4) pengesahan yang dibuat oleh Jawatankuasa Audit Pemilihan MPP mengenal Daftar pengundi dan data undi adalah muktamad.

***Jawatankuasa e-Undi***

8. (1) Pengerusi dan anggota Jawatankuasa e-undi hendaklah dilantik oleh Naib Canselor dari kalangan pekerja Universiti selain daripada anggota jawatankuasa di bawah perenggan 4(1), (2), (3) dan (4).
- (2) seorang Setiausaha hendaklah dilantik oleh Pengerusi dan kalangan pekerja universiti;
- (3) Jawatankuasa e-Undi hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut:-

- (a) Memastikan segala persiapan dari segi infrastruktur sistem e-Undi yang dibangunkan dapat berfungsi sepenuhnya sepanjang tempoh pengundian berlangsung.
- (b) Membangun dan menyiapkan Sistem e-Undi;
- (c) Memastikan semua data pengundian telah disemak dan disahkan oleh Jawatankuasa Audit Pemilihan MPP sebelum dimasukkan ke dalam Sistem e-Undi;
- (d) Mengujilari dan memastikan. Sistem e-undi telah sedia sepenuhnya untuk digunakan di pusat pengundian sebelum pengundian bermula; dan
- (e) Menutup perkakasan computer undi rosak daripada digunakan semasa proses pengundian.

#### **BAHAGIAN IV**

##### **NOTIS MAKLUMAN PEMILIHAN**

###### ***Pengumuman tarikh pemilihan MPP***

9. Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP hendaklah mengemukakan tarikh berkenaan pemilihan MPP dan memaklumkan tarikh itu kepada Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP.

###### ***Penyiaran notis pemilihan***

10. (1) Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP hendaklah menyiarkan suatu notis pemilihan yang mengandungi butiran berikut:-
- (a) tarikh dan masa penamaan calon;
  - (b) tarikh dan masa mengundi;
  - (c) tempoh bantahan dan rayuan; dan
  - (d) apa-apa perkara lain yang berkaitan pemilihan.
- (2) Notis Pemilihan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP atau wakilnya dan hendaklah dipamerkan di papan notis rasmi universiti dan di tempat lain di universiti yang mudah dilihat.
- (3) pembubaran Majlis Perwakilan Pelajar berkuatkuasa bermula daripada tarikh notis pemilihan dikeluarkan.
- (4) penjawat jawatan dalam Majlis Perwakilan Pelajar akan terus memegang jawatan masing-masing sehingga perlantikan baru dibuat.

#### **BAHAGIAN V**

##### **PENAMAAN CALON**

###### ***Jumlah ahli MPP***

11. Bagi maksud pemilihan MPP, Naib Canselor hendaklah menentukan jumlah ahli MPP mengikut cara yang berikut:-
- (a) Bagi kawasan fakulti, bilangan ahli MPP hendaklah sama dan setiap fakulti; dan
  - (b) Bagi kawasan Umum, bilangan ahli MPP hendaklah tidak lebih daripada setengah daripada bilangan ahli yang ditentukan dibawah subperaturan (a).

***Kelayakan Calon***

12. (1) Bagi maksud pemilihan MPP, mana-mana pelajar berdaftar yang tidak hilang kelayakan untuk dipilih di bawah Perlembagaan layak menjadi calon.
- (2) pelajar hilang kelayakan menjadi calon sekiranya:
- (a) Masih menunggu keputusan prosiding tatatertib pelajar (melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor)
  - (b) Telah didapati bersalah atas satu kesalahann tatatertib (melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor)
  - (c) Belum lagi masuk peperiksaannya yang pertama di Universiti bagi kursus pengajiannya;
  - (d) Yang telah gagal dalam kursus pengajian yang diikutinya; atau
  - (e) Tidak masuk peperiksaan yang baru berlaku yang diadakan oleh Universiti bagi kursus pengajiannya;
  - (f) Mendapat PNGK kurang daripada 2.75.

***Sekatan pencalonan***

13. (1) Mana-mana calon yang bertanding di dalam pemilihan MPP hendaklah bertanding atas kapassiti individu dan buksn mewakili mana-mana pertubuhan atau kumpulan orang sama ada di dalam atau di luar kampus.
- (2) seseorang calon hanya boleh bertanding bagi satu kawasan pemilihan sahaja.
- (3) bagi kawasan Fakulti, calon hendaklah seorang pelajar berdaftar fakulti berkenaan.
- (4) bagi kawasan Umum, calon hendaklah seorang pelajar yang berdaftar di Universiti.
- (5) seseorang calon tidak boleh menjadi pencadang calon atau penyokong pencadangan calon kepada mana-mana calon yang lain.

***Pendaftaran Calon***

14. (1) mana-mana pelajar berdaftar yang hendaklah bertanding untuk pemilihan MPP boleh hadir dan mendapatkan boring untuk tujuan penamaan calon di lokasi yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP.
- (2) Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP boleh mengenakan apa-apa bayaran untuk mendaptkan borang penamaan calon itu.
- (3) pelajar berdaftar yang ingin mendapatkan borang penamaan calon hendaklah mengemukakan kad pelajar yang sah.
- (4) pelajar berdaftar itu hendaklah melengkapkan borang penamaan calon dan memilih sama ada untuk menjadi calon kawasan Fakulti atau Umum.
- (5) borang penamaan calon yang telah lengkap diisi hendaklah mendapat pengesahan pegawai Universiti yang diberi kuasa di bawah Peraturan 18.
- (6) apa-apa pindaan kepada borang penamaan calon hendaklah dibuat berdasarkan tatacara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.



### ***Pencadang dan penyokong pencadangan calon***

15. (1) mana-mana pelajar berdaftar universiti boleh menjadi pencadang dan penyokong pencadangan calon.
- (2) pencadang dan penyokong pencadang calon bagi kawasan fakulti hendaklah terdiri daripada pelajar berdaftar fakulti berkenaan.
- (3) mana-mana pelajar berdaftar university boleh menjadi pencadang atau penyokong pencadangan calon bagi kawasan umum.
- (4) pencadang atau penyokong pencadangan calon bagi mana-mana calon tidak boleh menjadi pencadang atau penyokong pencadangan calon lain.

### ***Pegawai diberi kuasa***

16. (1) bagi calon kawasan Umum, borang penamaan calon hendaklah disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.
- (2) Bagi calon kawasan fakulti, borang penamaan calon hendaklah disahkan oleh Dekan Fakulti berkenaan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Dekan Fakulti berkenaan.

### ***Penyerahan dokumen penamaan calon***

17. (1) calon kawasan Umum bersama-sama pencadang dan penyokong pencadangan calon hendaklah hadir dan menyerahkan borang penamaan calon yang telah disahkan dan dokumen lain yang berkaitan kepada pegawai Universiti yang dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP.
- (2) calon kawasan fakulti bersama-sama pencadang dan penyokong pencadangan calon hendaklah hadir dan menyerahkan borang penamaan calon yang telah disahkan dan dokumen lain yang berkaitan kepada Dekan Fakulti berkenaan atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa oleh Dekan Fakulti berkenaan pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP.
- (3) sebelum seseorang calon menyerahkan borang penamaan calon di bawah subperaturan (1) dan (2), calon itu hendaklah membayar wang cagaran dalam jumlah dan pada masa sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.
- (4) sesuatu borang penamaan calon yang diserahkan selepas tamat waktu penamaan calon tidak akan diterima.
- (5) Borang penamaan calon hendaklah diserahkan bersama-sama gambar berukuran passport calon kawasan fakulti dan umum mengikut bilangan yang ditetapkan oleh jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.
- (6) borang penamaan calon yang tidak diisi dengan lengkap dan tidak disertakan dengan resit pembayaran wang cagaran adalah tidak sah dan berhak ditolak pencalonannya.
- (7) Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP boleh memanggil mana-mana calon, pencadang atau penyokong pencadangan calon untuk mendapatkan apa-apa maklumat lanjut berkaitan penamaan calon, jika perlu.
- (8) sekiranya mana-mana calon, pencadang atau penyokong pencadangan calon itu gagal hadir di hadapan Jawatankuasa Pelaksanaan Pemilihan MPP di bawah subperaturan (1) dan (2), pencalonan itu hendaklah ditolak.

### ***Pengumuman calon yang layak bertanding***

18. Selepas semua borang pencalonan yang disahkan diserahkan kepada Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP, senarai nama calon mengikut kawasan pemilihan yang dipertandingkan hendaklah diumumkan di papan notis rasmi Universiti dan ditempat lain di Universiti yang mudah dilihat dan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP.

***Bantahan terhadap pencalonan***

19. (1) mana-mana pelajar berdaftar Universiti boleh mengemukakan bantahan terhadap pencalonan seseorang calon secara bertulis kepada pengerusi Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan Pemilihan MPP dalam tempoh masa sebagaimana yang ditetapkan dalam notis pemilihan di bawah Peraturan 12.
- (2) bantahan terhadap sesuatu pencalonan boleh berbuat berdasarkan alasan yang berikut:
- (a) Seseorang calon itu tidak layak untuk dipilih menjadi ahli MPP;
  - (b) Seseorang calon mengemukakan maklumat palsu atau salah dalam borang penamaan calon;
  - (c) Borang penamaan calon tidak mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.
- (3) setiap bantahan hendaklah dikenakan bayaran pada kadar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan NPP dan hendaklah dibayar kepada Busar atau pekerja Universiti yang diberi kuasa oleh Busar Universiti.
- (4) bantahan hendaklah dikemukakan dengan melampirkan resit pembayaran sebelum tamat tempoh bantahan.
- (5) Pengerusi Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan Pemilihan MPP atau mana-mana pekerja Universiti yang diberi kuasa oleh Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan Pemilihan hendaklah dengan seberapa segera yang munasabah pada hari penamaan calon tersebut membuat keputusan mengenai keesahan setiap bantahan dan memberitahu calon dan pelajar yang mengemukakan bantahan itu mengenai keputusan dan alasan-alasan keputusannya.
- (6) jika sesuatu bantahan keputusan sah oleh Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan Pemilihan MPP, pencalonan calon yang berkenaan hendaklah ditolak dan wang yang dibayar di bawah subperaturan (3) akan dikembalikan.

***Rayuan terhadap keputusan bantahan pencalonan***

20. (1) mana-mana pelajar berdaftar yang telah membuat bantahan di bawah subperaturan 21(2) dan tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat di bawah subperaturan 21(5), boleh merayu secara bertulis kepada Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP dengan membuat bayaran dalam jumlah yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan kepada Busar atau pekerja Universiti yang diberi kuasa oleh Busar.
- (2) apa-apa rayuan yang dibuat dibawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan bukti pembayaran.
- (3) Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP hendaklah dengan seberapa segera yang munasabah pada hari penamaan calon membuat keputusan mengenai rayuan ini

dan memberitahu pelajar berdaftar berkenaan dan perayu mengenai keputusan dan alasan-alasan keputusan itu.

- (4) wang yang bayar dibawah subperaturan (1) hendaklah dikembalikan jika rayuan dibenarkan.

***Penarikan balik pencalonan***

21. (1) seseorang calon boleh menarik diri daripada pemilihan MPP pada bila-bila masa dengan menyerahkan borang penarikan diri kepada Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP sebelum senarai muktamat calon yang layak bertanding di bawah Peraturan 24 diumumkan.
- (2) borang penarikan diri yang diserahkan kepada Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP selepas pengumuman akhir calon yang layak bertanding di bawah Peraturan 24 tidak akan diterima.

***Pengumuman akhir calon yang layak bertanding***

22. Suatu senarai muktamat calon yang layak bertanding yang telah diperakukan oleh Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP hendaklah dipamerkan di papan notis rasmi Universiti dan ditempat lain yang mudah dilihat di Universiti selama tempoh yang telah ditetapkan selepas keputusan bantahan atau rayuan di buat.

***Calon menang tanpa bertanding***

23. (1) sekiranya bilangan calon yang bertanding bagi kawasan Fakulti sama dengan atau kurang daripada jumlah wakil yang diisytiharkan menang tanpa bertanding.
- (2) sekiranya bilangan calon yang bertanding bagi kawasan Umum sama dengan atau kurang daripada jumlah wakil yang diperuntukkan bagi kawasan Umum itu, calon berkenaan akan diisytiharkan menang tanpa bertanding.

**BAHAGIAN VI**

**KEMPEN PEMILIHAN**

***Kempen***

24. (1) Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP hendaklah bertanggungjawab bagi menyelia dan mementau kempen pemilihan.
- (2) calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon dan mana-mana pelajar berdaftar Universiti boleh berkempen mengikut cara dan dalam tempoh yang ditetapkan, tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30]. Perlembagaan Universiti, Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dan tatacara lain dan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.

***Poster, kain rentang, dsb.***

25. Tiada calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon boleh mencetak, mempamer atau mengedar apa-apa poster, kain rentang atau menggunakan apa-apa bentuk sebaran elektronik atau sebaran lain bagi tujuan kempen tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP.

## **BAHAGIAN VII**

### **PENGUNDIAN**

#### ***Hari pengundian***

26. (1) pengundian hendaklah dijalankan pada tarikh, masa dan di tempat seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP dalam notis pemilihan.
- (2) Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP bolehlah mempamerkan suatu notis mengandungi panduan mengundi di kawasan Pusat Pengundian sebelum pengundian.
- (3) seorang pengundi hendaklah mengemukakan kad pelajar atau apa-apa bukti lain yang mengesahkan status pengundi itu sebagai pelajar berdaftar Universiti semasa proses pendaftaran sebelum dibenarkan mengundi.
- (4) Jika berlaku apa-apa pertikaian semasa hari mengundi, Ketua Pusat Pengundian hendaklah membuat keputusan mengenai pertikaian itu.

#### ***Keistimewaan calon semasa hari pengundian***

27. (1) seseorang calon diberi keistimewaan seperti berikut;
- (a) Calon boleh memasuki Pusat Pengundian untuk memerhatikan proses pengundian dijalankan dengan syarat Pusat Pengundian:-
- i. Mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pusat Pengundian;
  - ii. Tidak dibenarkan memancing undi, atau cuba memancing undi, atau berbual dengan pengundi-pengundi; dan
  - iii. Tidak menimbulkan kacau ganggu, kegusaran atau sebagainya yang pada pandangan Ketua Pusat Pengundian boleh mengganggu kelancaran proses pengundian yang sedang berjalan.
- (b) Calon boleh memasuki Pusat Penjumlahan Undi untuk memerhatikan proses pengiraan undi dijalankan dengan syarat calon tidak menimbulkan kacau ganggu, kegusaran atau sebagainya yang pada pandangan Ketua Pusat Pengundian boleh mengganggu kelancaran proses pengundian yang sedang berjalan
- (2) Ketua Pusat Pengundian atau Ketua Pusat Penjumlahan Undi mengikut mana yang berkenaan, boleh mengeluarkan calon daripada Pusat Pengundian atau Pusat Penjumlahan Undi jika calon tidak mematuhi subperaturan (1).

#### ***Ketua Pusat Pengundian dan Pegawai Pusat Pengundian***

28. (1) Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP hendaklah melantik seorang pekerja Universiti sebagai Ketua Pusat Pengundian dan Pegawai Pusat Pengundian dalam mengawal selia proses pengundian di Universiti.
- (2) Ketua Pusat Pengundian tidak boleh menjadi ahli dalam mana-mana jawatankuasa yang ditubuh di bawah peraturan 4.
- (3) menjumlahkan keseluruhan undi dari semua pusat pengundian.
- (4) mengesahkan jumlah undi bersama Jawatankuasa Audit.

***Kebenaran masuk ke Pusat Pengundian, dsb.***

29. (1) Tiada sesiapa boleh berada di Pusat Pengundian melainkan dengan kebenaran Ketua Pusat Pengundian.
- (2) Bilangan pengundi yang dibenarkan masuk ke Pusat Pengundian pada satu-satu masa akan ditentukan oleh Ketua Pusat Pengundian.
- (3) Semua calon,, pencadang calon dan penyokong pencadangan calon hendaklah mematuhi semua prosedur yang dibuat dan arahan yang diberikan oleh Ketua Pusat Pengundian yang berkenaan.
- (4) Ketua Pusat Pengundian hendaklah memastikan ketenteraman di Pusat Pengundian.
- (5) jika mana-mana orang menimbulkan kacau ganggu, kegusaran dan sebagainya yang pada pandangan Ketua Pusat Pengundian boleh mengganggu kelancaran proses pengundian, Ketua Pusat Pengundian atau mana-mana Pegawai Pusat Pengundian boleh mengarahkan orang itu meninggalkan Pusat Pengundian dengan serta merta.
- (6) kuasa yang diberi di bawah subperaturan (5) tidak boleh dilaksanakan sehingga boleh menafikan hak seseorang pelajar berdaftar untuk mengundi.

***Larangan pada hari pengundian dsb.***

30. (1) Tiada calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau pengundi boleh dibenarkan untuk:
- (a) menjalankan sebarang bentuk kampanye sama ada bercetak atau lisan pada hari pengundian di dalam kampus;
- (b) menunjukkan identiti yang melambangkan identiti sesebuah kumpulan;
- (c) berkelakuan tidak sopan di kawasan Pusat Pengundian;
- (d) mengganggu kelancaran proses pengundian dengan apa jua cara termasuklah:
- (i) berusaha meraih atau merayu udi;
- (ii) mengedar senarai nama calon kepada pengundi;
- (iii) membuat bising atau sebarang gangguan di sekitar Pusat Pengundian; atau
- (iv) mengganggu atau menghalang Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP atau Pegawai Pusat Pengundian daripada menjalankan tugas.
- (e) Mengundi lebih daripada sekali; atau
- (f) Membawa apa-apa dokumen atau barang terlarang
- (2) Calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau mana-mana pengundi boleh membuat aduan mengenai perkara di bawah peraturan ini kepada Ketua Pusat Pengundian.
- (3) Ketua Pusat Pengundian hendaklah memutuskan berhubung dengan aduan yang diterima dibawah subperaturan (2).
- (4) mana-mana calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau pengundi yang tidak beruas hati dengan Keputusan Ketua Pusat Pengundian di bawah subperaturan (3) boleh mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan Pemilihan MPP.

***Pengundian dan penjumlahan undi secara kertas undi.***

- 31.
- (1) Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP hendaklah menyediakan peti undi yang mencukupi bagi setiap Pusat Pengundian.
  - (2) sebelum pengundian dimulakan, ahli Jawatankuasa Audit Pemilihan MPP hendaklah mengesahkan didalam kehadiran calon, pencadang calon atau penyokong pencadang calon bahawa setiap undi yang akan digunakan semasa pengundian tersebut sehingga tamat.
  - (3) sekiranya tiada calon, pencadang calon atau penyokong pencadang calon hadir semasa pengesahan di bawah subperaturan Ketua Pusat Pengundian boleh meneruskan proses pengundian tersebut sehingga tamat.
  - (4) seseorang pengundi akan diberikan kertas undi calon kawasan Fakulti dan Umum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP di mana pengundi dikehendaki mengundi mengikut cara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.
  - (5) Kertas undi adalah sulit dan hendaklah disimpan ditempat yang selamat dan dikeluarkan pada hari pengundian sahaja.
  - (6) Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP hendaklah menentukan tempat dan proses penjumlahan undi.
  - (7) mana-mana calon, pencadang atau calon yang menyokong pencadangan calon boleh mengemukakan bantahan secara bertulis terhadap keputusan penjumlahan undi kepada Ketua Pusat Pengundian atau mana-mana Pegawai Pusat Pengundian.
  - (8) Bantahan di bawah subperaturan (4) boleh dibuat:-  
Selepas pengumuman keputusan penjumlahan undi;  
Selepas keputusan penjumlahan undi di pameran, tertakluk kepada apa-apa bayaran yang ditentukan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.

***Pengundian dan penjumlahan undi secara e-Undi***

- 32.
- (1) Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP boleh menentukan pengundian dan penjumlahan undi dilaksanakan secara e-undi
  - (2) Pengundian secara e-Undi hendaklah dibuat dengan menggunakan computer undi.
  - (3) seseorang pengundi hendaklah mengundi mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.
  - (4) aplikasi sistem e-kertas undi adalah sulit dan hendaklah dikendalikan secara terkawal dan digunakan pada hari pengundian.
  - (5) Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP hendaklah menentukan tempat dan proses penjumlahan undi
  - (6) mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadang calon boleh mengemukakan bantahan secara bertulis terhadap penjumlahan undi kepada Ketua Pusat Pengundian atau wakilnya.
  - (7) Bantahan di bawah subperaturan (6) boleh dibuat:-
    - (a) selepas pengumuman keputusan penjumlahan undi; atau
    - (b) selepas keputusan penjumlahan undi dipamerkan, tertakluk kepada apa-apa bayaran yang ditentukan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.
  - (8) selepas tamat tempoh Pengundian, Ketua Pusat Pengundian hendaklah memastikan segala peralatan, perkakasan, perisian atau dokumen berkaitan pengundian disimpan di tempat yang sesuai dalam masa 72 jam selepas tempoh bantahan.

***Komputer pelayan dan komputer undi***

33. (1) Jawatankuasa e-Undi Pemilihan MPP hendaklah menyediakan komputer pelayan dan komputer undi yang mencukupi bagi setiap Pusat Pengundian.
- (2) sebelum pengundian dimulakan, Jawatankuasa Audit Pemilihan MPP hendaklah mengesahkan didalam kehadiran calon, pencadang calon atau penyokong pencadang calon bahawa:-
- (a) setiap computer pelayan yang akan digunakan semasa pengundian tidak mempunyai apa-apa data berkenaan pengundian; dan
  - (b) setiap computer undi yang disediakan tidak mengandungi apa-apa aplikasi lain kecuali sistem e-kertas undi sistem ini belum digunakan untuk tujuan pengundian.
- (3) Jawatankuasa Audit Pemilihan MPP hendaklah memperaku kesahihan komputer pelayan dan computer undi setelah berpuas hati dengan kesahihan komputer pelayan dan komputer undi yang disediakan di Pusat Pengundian.
- (4) sekiranya tiada calon, pencadang calon atau penyokong pencadang calon hadir semasa pengesahan di bawah subperaturan (2), Ketua Pusat Pengundian boleh meneruskan proses pengundian tersebut sehingga tamat.
- (5) Pengerusi Jawatankuasa e-Undi hendaklah:-
- (a) mengeluarkan statistic pelajar yang turun mengundi;
  - (b) membuat salinan data yang ada di dalam komputer pelayan ke dalam tiga (3) pemancu data yang kosong; dan
  - (c) memasukkan tiga (3) pemancu data yang disebut pada perenggan (b) yang mengandungi salinan data yang ada didalam komputer pelayan ke dalam peti selamat untuk di bawa ke pusat Penjumlahan pengundi.
- (6) Ketua Pusat Pengundian hendaklah mematikan komputer pelayan dan komputer undi selepas tamat tempoh pengundian, sama ada calon, penyokong calon atau penyokong pencadang calon hadir atau tidak hadir.

**BAHAGIAN VIII**  
**PENJUMLAHAN UNDI**

***Pusat Penjumlahan Undi***

34. (1) Penjumlahan undi hendaklah dijalankan ditempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.
- (2) tiada mana-man aorang dibenarkan berada di pusat penjumlahan undi kecuali setelah mendapat kebenaran Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP.
- (3) Walau apa pun subperaturan (2), orang yang berikut adalah dibenarkan berada didalam pusat penjumlahan undi:
- (a) Ketua Pusat Penjumlahan Undi;
  - (b) Semua ahli jawatankuasa yang dilantik di bawah peraturan 4;
  - (c) pekerja Universiti yang dilantik oleh Jawatankuasa Peraksana Pemilihan MPP dan Ketua Pusat Penjumlahan Undi; dan
  - (d) calon, pencadang calon dan penyokong pencadangan calon.

***Pengumuman keputusan penjumlahan undi***

35. (1) apabila penjumlahan undi telah selesai, Naib Canselor atau Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, mengumumkan keputusan penjumlahan undi.
- (2) Sekiranya:-
- (a) Bilangan undi di antara calon bagi suatu kawasan pemilihan adalah sama banyak pengiraan semula undi hendaklah dilakukan; atau
  - (b) Terdapat perbezaan sebanyak sepuluh atau kurang dalam bilangan undi yang diperoehi oleh calon yang berjaya tetapi mendapat bilangan undi yang terendah dalam kalangan calon yang berjaya, dan calon yang tidak berjaya yang mendapat bilangan undi yang tertinggi dalam kalangan calon yang tidak berjaya, Ketua Pusat Pengundian Undi hendaklah atas permintaan calon yang tidak berjaya itu, mengarahkan pengiraan semula undi.
- (3) sekiranya keputusan pengiraan semula undi di bawah perenggan (2) (a) adalah sama banyak, penambahan satu undi hendaklah dibuat dengan cara yang ditentukan oleh Ketua Pusat Penjumlahan Undi.
- (4) Sekiranya:-
- (a) Keputusan pengiraan semula undi di bawah perenggan (2) (a) adalah berbeza dan perbezaan itu adalah sepuluh undi atau kurang; atau
  - (b) Keputusan pengiraan semula undi di bawah perenggan (2) (b) berbeza dan perbezaan itu adalah sepuluh undi atau kurang, maka atas permintaan calon yang mendapat undi terbanyak semasa penjualan undi asal, pengiraan semula undi hendaklah dilakukan.
- (5) keputusan pengiraan semula undi yang dibuat di bawah subperaturan (4) adalah muktamad.
- (6) Ketua pusat Penjumlah an Undi boleh menangguhkan pengiraan semula di bawah subperaturan (2) dan (4) dengan syarat apa-apa penangguhan pengiraan semual ayang dibuat itu hendaklah tidak menjejaskan kesekuruhan proses pemilihan MPP.



- (7) Setelah selesai pengiraan semula undi, Naib Canselor atau Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP hendaklah dengan seberapa segera yang boleh, mengumumkan penjumlahan undi.
- (8) pengiraan semula undi di bawah peraturan ini hendaklah terpakai kepada pengundian dan penjumlahan undi secara kertas undi sahaja.
- (9) sekiranya penjumlahan undi dilakukan secara e-Undi dan jumlah undi yang diperolehi oleh calon yang bertanding adalah sama banyak, seperaturan (3) hendaklah terpakai.

***Bantahan dan rayuan keputusan pemilihan***

- 36. (1) mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon atau pengundi yang tidak berpuas hati dengan keputusan penjumlahan undi calon dibawah Peraturan 38 boleh membuat bantahan secara bertulis dengan menyatakan alasannya kepada Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan Pemilihan MPP dalam tempoh masa sebagaimana yang ditetapkan dalam notis pemilihan di bawah Peraturan 12.
- (2) setiap bantahan hendaklah dikenakan bayaran pada kadar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP dan hendak dibayar kepada Busar atau wakil Universiti yang diberi kuasa oleh Busar Universiti.
- (3) Bantahan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan kepada Pengurusan Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan Pemilihan MPP bersama resit bayaran dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.
- (4) Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan Pemilihan MPP hendaklah, dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas tamat masa bantahan, membuat keputusan mengenai bantahan itu dan hendaklah memaklumkan kepada pembantah dan orang yang dibantah, mengenai keputusan dan alasan keputusannya.
- (5) jika sesuatu bantahan diterima oleh Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan Pemilihan MPP, kemenangan seseorang calon yang di bantah hendaklah disifatkan sebagai telah terbatal.
- (6) mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon atau pengundi yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Rayuan dan Bantahan MPP yang dibuat di bawah subperaturan (4) boleh membuat rayuan terhadap keputusan itu kepada Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.
- (7) Setiap rayuan dikenakan bayaran mengikut jumlah sebagaimana ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP yang hendak dibayar kepada Bursa Universiti atau wakilnya.
- (8) Rayuan yang dibuat di bawah subperaturan (6) hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP bersama resit bayaran dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP.
- (9) Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP hendaklah dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas tamat masa rayuan itu dan hendaklah memaklumkan kepada perayu mengenai keputusan dan alasan keputusannya.

## **BAHAGIAN IX**

### **PENGISYTIHARAN AHLI MPP**

#### ***Pengisytiharan***

37. (1) Pengurusan Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP atau mana-mana pekerja Universiti yang diberi kuasa oleh Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP hendaklah mengisytiharkan calon yang Berjaya di dalam pemilihan MPP.
- (2) Pengisytiharan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat secara bertulis dan dipamerkan di papan notis rasmi Universiti dan ditempat lain di Universiti yang mudah dilihat dengan seberapa segera yang boleh selepas keputusan terhadap bantahan atau rayuan dibuat di bawah peraturan 38.

#### ***Pemegang jawatan MPP***

38. (1) calon yang berjaya di dalam pemilihan MPP dan hendaklah memilih sesama mereka :
- (a) seorang Yang Dipertua;
  - (b) seorang Naib Yang Dipertua;
  - (c) Seorang Setiausaha;
  - (d) Seorang Bendahari; dan
  - (e) Pemegang bagi jawatan lain yang dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.
- (2) Naib Canselor boleh menetapkan apa-apa gelaran bagi pemegang jawatan MPP yang disebut dalam subperaturan (1).
- (3) Perlanjutan tempoh MPP dan caretaker:
- (a) Naib Canselor boleh menggunakan kuasa budi bicaranya untuk melanjutkan tempoh perlantikan MPP sedia ada untuk menjalankan tugas sementara (caretaker) sehingga MPP baru dilantik.
  - (b) Naib Canselor boleh mengikut budi bicaranya melantik mana-mana pelajar untuk menjalankan tugas sementara (caretaker) sehingga MPP baru dilantik.

## **BAHAGIAN X**

### **AM**

#### ***Keesahan perbuatan di dalam ketidakhadiran calon, dsb***

39. Tiada sesuatu perbuatan yang dilakukan atau keputusan yang di buat bawah Peraturan-Peraturan boleh dipersoalkan atas alasan bahawa perbuatan stsu keputusan itu telah dilakukan atau dibuat semasa ketidakhadiran calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon jika perbuatan atau keputusan itu telah dilakukan atau dibuat dengan suci hati.

***Pindaan peraturan***

40. Lembaga Pengarah Universiti boleh meminda mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

***Pengawasan Keselamatan***

41. Pemantauan dan pengawasan keselamatan perjalanan keseluruhan pemilihan MPP hendaklah menjadi tanggungjawab pegawai yang dipertanggungjawabkan mengenai hal ehwal keselamatan Universiti.

***Tindakan Tatatertib***

42. Mana-mana pelajar yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

**1.0 Panduan Mengisi Kertas Penamaan**

Semua pencalonan penamaan sebagai calon untuk pemilihan kawasan Umum menggunakan **Borang 2A** dan Fakulti menggunakan **Borang 2B**.

**1.1 Kawasan Pemilihan Fakulti**

Ruangan yang berkaitan dengan kawasan pemilihan Fakulti, mestilah diisi dengan betul. Calon hendaklah menyemak notis yang dikeluarkan oleh Pegawai Pengurus, untuk memastikan nama kawasan pemilihan yang betul bagi bahagian yang calon ingin bertanding. Nama penuh Fakulti mestilah dituliskan. Nama singkatan kawasan Fakulti adalah tidak diterima.

**1.2 Nama Calon**

Nama calon hendaklah diisi dengan betul sebagaimana yang terdapat dalam kad pengenalan.

**1.3 Alamat**

Alamat semasa pengajian hendaklah diisi dengan jelas dengan memasukan nombor bilik, kolej kediaman dan alamat universiti namun bagi pelajar yang tinggal diluar kampus perlu memasukkan alamat lengkap rumah demikian.

**1.4 Pencadang dan Penyokong**

1.4.1 Nama kedua-dua orang ini hendaklah ditulis dengan huruf besar. No. Pelajar dan tahun pengajian hendaklah diisi dengan tepat.

1.4.2 Bagi kawasan Fakulti, calon, pencadang dan penyokong hendaklah datang dari fakulti yang sama.

1.4.3 Bagi kawasan umum, calon, pencadang dan penyokong mestilah dari 3 fakulti yang berlainan.

1.4.4 Calon tidak boleh menjadi pencadang atau penyokong kepada calon yang lain dan sebaliknya.

**1.0 Kad Pelajar**

Adalah menjadi perkara biasa bahawa kad pengenalan atau kad pelajar akan disemak oleh Pegawai Pengurus untuk menentukan pengenalan seseorang calon. Sekiranya seseorang calon, kerana sesuatu sebab tidak mempunyai kad pengenalan atau kad pelajar yang sah, beliau boleh menggunakan sebarang dokumen yang membuktikan bahawa ianya adalah mahasiswa Universiti Malaysia Sabah. Keadaan yang sama juga dikenakan kepada semua pencadang dan penyokong.

**1.0 Masa Untuk Menyerahkan Kertas Penamaan**

Kertas-kertas penamaan hendaklah diserahkan di antara jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi pada Hari Penamaan Calon di Pusat Penamaan Calon. Pegawai Pengurusan Pemilihan tidak akan menerima kertas penamaan sebelum atau selepas masa yang ditetapkan. Semasa mengemukakan kertas penamaan, calon dikehendaki membawa bersama resit asal pembayaran wang cagaran sebanyak RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja).

**1.0 Cara penyerahan/penyampaian**

- 1.1 Kertas-kertas penamaan mestilah diserahkan sendiri atau melalui wakil calon yang dinamakan kepada Pegawai Pengurus Pemilihan Kawasan. Kertas penama hendaklah diserahkan dalam tiga salinan dan hendaklah diserahkan dengan dengan kertas Pengakuan calon (Borang 1). Jika tidak, Pegawai Pengurusan Pemilihan berhak menolak kertas penamaan itu. Tidak seorang pun melainkan orang-orang yang disebutkan tadi dibenarkan masuk ke Pusat Penamaan di antara jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi.
- 1.2 Semua calon atau pencadang atau penyokongnya dikehendaki atau seorang lain yang dilantik oleh calon secara bertulisbolehlah terus menunggu di ruang atau kawasan yang ditentukan oleh Pegawai Pengurusan Pemilihan kawasan berkenaan sehingga proses perjalanan penamaan calon tamat.

## **5.0 Perkara-Perkara Penting Yang Harus Diberi Perhatian**

- 1.1 Kelayakan dan Hilang Kelayakan  
Calon mestilah mempunyai segala kelayakan untuk menjadi calon dan tindakan mempunyai apa-apa tanggungan yang boleh melucutkan kelayakan calon itu.
- 1.2 Nama Calon  
Nama calon dalam kertas penamaan mestilah diisi dengan betul dan penuh. Sekiranya beliau mempunyai nama atau nama-nama lain, ianya hendaklah disebut dalam ruangan yang dikhaskan untuk nama lain.
- 1.3 Penandatanganan  
Calon dapat perhatikan dan kertas penamaan calon bahawa ia memerlukan tandatangan calon, tandatangan-tandatangan pencadang atau penyokong. Tandatangan-tandatangan ini hendaklah diisi dalam ruangan-ruangan yang betul dalam borang.

## **6.0 Syarat Pencadang**

- 1.3 Nama-nama pencadang bagi calon fakulti sebagaimana diperlukan di bawah Peraturan-Peraturan Pemilihan (Perjalanan Pemilihan) mestilah terdapat dalam daftar-daftar pemilih semasa kawasan pemilihan di mana calon itu ingin bertanding.
- 1.4 Semua calon adalah diperingatkan bahawa ketika mengisi borang penamaan, nama, nombor pelajar nombor kad pengenalan dan tahaun pengajian, pencadangan dan penyokong ditulis dalam borang penamaan adalah diisi dengan betul. Sebarang kesilapan di dalam mengisi butir-butir akan menyebabkan kertas penamaan calon tidak dibenarkan menjadi pencadang calon lain dan sebaliknya. Pencadang pula mestilah mencadangkan seorang calon sahaja.

## **7.0 Tataf Penyokong**

Syarat penyokong adalah sama seperti pencadang.

## **8.0 Surat Akuan**

- 1.0 satu lagi dokumen yang mesti diserahkan bersama dengan kertas penamaan ialah akaun bersabit dengan kelayakan calon dan dibuat olehnya sebagaimana menerusi

Borang 1A (Kawasan Umum) dan Borang 1B (Kawasan Fakulti). Sekiranya akaun ini tidak diserahkan sebagaimana dinyatakan, pencalonan itu adalah dianggap batal dan kertas-kertas pencalonan tidak akan diterima oleh Pegawai Pengurus.

- 1.1 Akaun ini hendaklah disahkan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni) atau wakilnya bagi kerusi umum dan Dekan fakulti bagi kerusi fakulti. Dengan demikian, seseorang calon itu hendaklah berusaha untuk menyediakan pengakuan sebelum hari penamaan.

## **9.0 Penarikan Diri Oleh Calon**

Calon boleh menarik balik pencalonan bila-bila masa. Calon boleh berbuat demikian dengan cara mengisi dan menandatangani borang-borang yang dikhaskan untuknya dan mengemukakannya kepada Pegawai Pengurusan. Borang-borang ini iaitu **Borang 5A** (Kawasan umum) dan **Borang 5B** (kawasan fakulti) boleh didapati dari Pegawai Pengurus. Bagi penarikan diri seperti ini kertas-kertas penamaan calon tidak akan dipulangkan kepada calon tetapi akan disimpan oleh Pegawai Pengurus.

## **1.0 Bantahan Terhadap Kertas-Kertas Penamaan**

- 1.1 Bantahan boleh dibuat oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Naib Canselor.
- 1.2 Bantahan atau pemeriksaan terhadap kertas-kertas penamaan berjalan pada hari penamaan itu juga mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Bantahan terhadap kertas penamaan boleh dilakukan di atas asas-asas berikut:
  - a) Bahawa kertas penamaan itu tidak mematuhi kehendak atau telah tidak diserahkan mengikut [peraturan-peraturan Pemilihan];
  - b) Bahawa ternyata daripada kandungan kertas penamaan yang calon itu adalah tidak layak untuk dipilih menjadi ahli MPP; dan
  - c) Bahawa calon itu telah hilang kelayakan untuk menjadi seorang ahli di bawah peruntukan-peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 1975).
- 1.3 Bantahan boleh dibuat melalui Borang 9 oleh mana-mana calon terhadap kertas penamaan calon terhadap kertas penamaan calon-calon yang lain atau oleh sesiapa yang namanya terdapat di dalam daftar pemilih di dalam kawasan pemilihan yang berkenaan, berdasarkan sebab-sebab ataupun salah satu sebab yang diberikan di atas.